
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RDG 333 – Rekabentuk Dalaman

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **SATU** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**

...2/-

Bahagian A. Sila gunakan kertas A3.

1. Rangkakan lukisan jadual tatacara penyediaan kerja-kerja awal pembersihan permukaan sebelum mengecat lapisan 'undercoat' dan seterusnya lapisan kemas bahan-bahan berikut:

- a) Konkrit
- b) Kayu berat
- c) Kayu ringan
- d) Logam
- e) Panel Plaster
- f) Kertas/fabrik dinding
- g) Plastik

(25 markah)

2. Lakarkan semua tampak pandangan bilik Y berpandukan senarai maklumat berikut. Hitungkan jumlah gulung kertas dinding yang akan digunakan dengan mengambilkira segulung kertas (24' 0" x 1' 6") boleh memuatkan seluas 36 kaki persegi permukaan dinding.

- a) Ukuran bilik Y : 15' 0" x 20' 0"
- b) Ketinggian bilik Y : 10' 0"
- c) Bilik Y mempunyai 2 pintu bujang berkemasan kayu nyatoh
- d) Dinding bilik Y dirapikan dengan papan hias 'skirting & dado'

(25 markah)

Bahagian B.

3. Apakah kepentingan tuntutan kenyataan berikut keatas amalan atau praktis jurureka dalaman di dalam proses pengaturcaraan sesebuah skema projek?
- a) Keperihatinan akan ruang fizikal dan konteks sosio-budaya projek
 - b) Kedayabinaan projek menepati syarat-syarat kesihatan , keselamatan & kesejahteraan pengguna
 - c) Kebermajuan projek berasaskan prinsip-prinsip kemampunan rekaan

(25 markah)

4. Berdasarkan arah aliran pengguna, teknik, teknologi mutakhir rekabentuk huraikan bagaimana kualiti prasarana ruang *retail* dapat ditingkatkan bagi membolehkan jualan yang lebih berkesan.

(25markah)

5. Isu pemeliharaan persekitaran sering menjadi isu perbincangan umum kebelakangan ini. Oleh kerana industri binaan merupakan pengamal terbesar penggunaan bahan-bahan asli maupun sintetik ia secara tidak langsung memberi kesan pada usaha pemeliharaan. Setiap proses pembinaan serta penghasilan produk mestilah terlebih dahulu dinilai impaknya pada persekitaran untuk menjamin tahap 'kualiti' bahan.
- a) Apakah 'kualiti' asas yang perlu dititikberatkan didalam pemilihan bahan binaan ?
 - b) Apakah kesan serta cabaran baru yang dihadapi oleh jurureka dalaman berhubung dengan pewartaan peraturan resolusi IFI (*International Federation of Interior Designers*) 1997 terhadap isu diatas.

(25 markah)

....4/-

- 4 -

6. Pilih **EMPAT (4)**. Buat nota ringkas keistimewaan aplikasi bahan berikut di dalam ruang dalaman berdasarkan fungsi dan nyalarasa 'personaliti' (emosi dan kualiti visual bahan).

- a) Kayu Jati
- b) Keramik
- c) Elastomer (*TPE*)
- d) Logam (*Alucubond*)
- e) Polimer termoplastik
- f) 'Kemasan Pintar' (*Intelligent material*)

(25 markah)

7. Kegunaan perhiasan kaca banyak digunakan didalam bangunan berperanan sebagai hiasan pemedang, pintu, tingkap maupun panel dinding. Huraikan teknik-teknik perhiasan serta proses seni pembuatan kemas kaca menerusi kaedah berikut:

- a) Asid penimbul
- b) Cakera pemotong/penggilap
- c) Semburan pasir
- d) Kaca berwarna
- e) Salutan emas

(25 markah)

-ooo O ooo-